

Pengenalan

Salah satu filem komedi evergreen dalam sejarah perfileman Melayu ialah filem *Pendekar Bujang Lapok* arahan P. Ramlee. Filem ini diterbitkan pada tahun 1959. Filem *Pendekar Bujang Lapok* merupakan Siri Bujang Lapok hasil kepengarahan P. Ramlee. Selepas *Pendekar Bujang Lapok*, muncul pula *Seniman Bujang Lapok* dan diikuti dengan *Ali Baba Bujang Lapok*. Filem *Pendekar Bujang Lapok* telah menerima Anugerah Komidi Terbaik di Festival Filem Asia Ke-6.

Sinopsis

Filem ini bermula dengan babak pergaduhan di satu jeti atau penambang yang bernama Penambang Sampan Sungai Kemunting. Dalam pergaduhan ini menyerlah kehebatan seorang pendekar bernama Pendekar Mustar menewaskan samseng-samseng di penambang itu. Kehebatan pendekar ini disaksikan oleh Ramlee, Aziz dan Sudin - 3 rakan baik yang berkelana. Menyaksikan kehebatan Pendekar Mustar, Ramlee, Aziz dan Sudin, mereka berminat untuk berguru dengan pendekar tersebut. Maka mereka pun berkayuh ke tempat di mana dikatakan pendekar itu tinggal. Sebelum sampai ke rumah Pendekar Mustar, mereka telah bertemu dan mengekori seorang wanita cantik bernama Rosnah dan kebetulan pula dia anak kepada Pendekar Mustar. Berlaku cubaan untuk mengusik wanita tersebut dan tindakan mereka ini membawa mereka ke rumah Pendekar Mustar. Wanita tersebut yang tidak mengemari tindakan tiga lelaki itu mengekorinya telah menuduh mereka sebagai pencuri. Pendekar Mustar mencabar Ramlee, Sudin dan Aziz untuk berlawan silat. Bagaimanapun, hatinya lembut apabila mereka berjaya mematikan langkah Pendekar Mustar dengan mengangkat dan mendukungnya serta menyatakan hasrat kedatangan mereka untuk belajar silat. Tindakan Pendekar Mustar itu telah membuatkan Rosnah marah. Hubungan dingin ini berakhir apabila ketiga-tiga lelaki tersebut memohon maaf dan Pendekar Mustar dapat menyakin anaknya bahawa ketiga-tiga lelaki itu bukan pencuri tetapi ingin belajar bersilat.

Konflik di penambang antara Pendekar Mustar dan tuan punya sampan itu berlanjutan apabila tuan punya sampan tersebut menyuruh pekerja-pekerjanya mencari Pendekar Mustar dan menuntut ganti rugi. Namun Pendekar Mustar beserta Ramlee, Sudin dan Aziz enggan membayar. Pemilik sampan itu kemudian membuat tawaran baru iaitu jika dia dibenarkan berkahwin dengan Rosnah, maka Pendekar Mustar tidak perlu membayar ganti rugi itu. Cadangan ini ditolak oleh Pendekar Mustar. Berlakulah pertembungan seterusnya di mana Rosmah telah dicolek oleh pekerja-pekerja pemilik sampan tersebut. Peristiwa ini memberi ruang kepada Ramlee, Sudin dan Aziz untuk berbakti kepada keluarga Pendekar Mustar. Dengan menggunakan ilmu persilatan yang dipelajari daripada Pendekar Mustar, mereka dapat menewaskan ke semua samseng-samseng itu termasuklah ketuanya - tauke sampan itu. Rosmah telah dapat diselamatkan. Di atas keberanian mereka itu menentang samseng-samseng itu

sehingga dapat pula menangkap ketuanya dan lebih penting dapat menyelamatkan Rosmah maka Pendekar Mustar menggelarkan Ramlee, Sudin dan Aziz – "Pendekar Bujang Lapok".

Analisis Filem *Pendekar Bujang Lapok*

Sungguhpun filem *Pendekar Bujang Lapok* ialah sebuah filem komidi, namun ada isu yang lebih serius yang diberada di sebalik babak-babak lucu yang dikemukakan. Dalam ketawa ada mesej yang ingin disampaikan dan hanya penonton yang bijak dan kritis dapat menyemali keindahan Mutiara yang terselit di sebalik babak-babak yang melucukan itu.

Jujur Syarat Berguru Silat

Salah satu aspek penting berguru dalam ilmu persilatan ialah jujur. Kejujuran itu penting untuk mempelajari ilmu persilatan supaya ilmu mempertahankan diri yang dipelajari digunakan untuk tujuan yang baik dan bukan untuk sesuatu yang memudarat diri dan orang lain seperti untuk memeras ugut atau melakukan kekerasan terhadap orang lain. Ramlee, Aziz dan Sudin merupakan pemuda-pemuda yang perlu jujur. Kejujuran itu diperlukan dan keperluan itu menyerlah apabila berlaku insiden di mana Aziz cuba mengambil wang tambang sampan itu tetapi wang siling itu yang dimasukkan ke dalam poket bajunya jatuh kerana bocor. Babak ini diperlihatkan bahawa kejujuran perlu untuk menuntut ilmu persilatan.



Berbanding dengan samseng-samseng itu, mereka ada ilmu silat tetapi mereka tidak jujur misalnya ada usaha untuk berlaku tidak amanah di mana mereka cuba untuk mengambil wang tambang yang dikutip pada hari itu. Justeru itu, mereka tidak merasa bersalah untuk menggunakan ilmu persilatan yang mereka pelajari untuk

menindas dan mencederakan orang yang lemah. Di sini nyata pesilat yang tidak jujur akan menjadi samseng yang menyalahgunakan ilmu persilatan yang mereka pelajari.

Jujur dalam Memikat Wanita

Jika jujur diperlukan untuk belajar ilmu silat, maka jujur juga perlu untuk memikat wanita. Jika dalam dunia persilatan yang keras itu perlu kejujuran, apalah lagi dalam hal-hal yang lembut dan berhemah seperti memikat Wanita. Tindakan Ramlee, Aziz dan Sudin sebagai lelaki asing mengekori wanita yang tidak dikenalnya hingga ke rumahnya pastilah tidak baik kerana ia satu perbuatan yang biadap tambahan pula dalam masyarakat Melayu tradisional yang mementingkan nilai-nilai murni seperti menjaga dan menghormati golongan yang lemah seperti wanita. Cara-cara watak-watak ini mengekori Rosnah menimbulkan kelucuan tetapi adan mesej penting yang ingin disampaikan oleh P. Ramlee.

Perbuatan oleh tiga lelaki asing mengekori wanita itu pasti menimbulkan ancaman kepada keselamatannya kepadanya dan wanita tersebut mengesaki Ramlee, Aziz dan Sudin ingin merompaknya. Sebenarnya, Ramlee, Aziz dan Sudin ingin bertanya kepada wanita itu tentang pendekar yang berani itu namun cara mereka tidak kena dan menimbulkan kecurigaan kepada Rosnah. Sebenarnya terdapat salah faham antara Rosnah dan tiga lelaki tersebut. Isu itu dapat diselesaikan apabila Ramlee, Aziz dan Sudin memohon maaf melalui satu nyanyian.

“Maafkan Kami”

maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami

wahai cik adik jangan merajuk

maafkan kami si bujang lapuk
jikalau salah tolonglah tunjuk
kami rela hai kena ketuk

nandung-nandung dayang sinandung

wahai saudari maafkan kami

maafkan kami
maafkan kami

maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami...

kalau cik adik tak mau maafkan

kami nak pindah tanjung rambutan
wahai cik adik tidakkah kesian
kami nak mati bercerai badan

nandung-nandung dayang senandung

wahai saudari maafkan kami

maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami...

wahai cik adik jangan marah sangat

sedangkan nabi ampunkan umat
kalau cik adik mukanya kelat
ke lubang jendela kami nak lompat

nandung-nandung dayang sinandung

wahai saudari maafkan kami

maafkan kami

maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami
maafkan kami

maafkan kami...
eh berapa banyak maaf dah?

Terdapat unsur-unsur lucu pada lirik lagu ini namun, kejujuran itu menyerlah dalam lagu ini kerana perbuatan dan kata-kata memohon maaf yang banyak itu menjadi petunjuk penegasan bukan kepada bersalah tapi menyatakan mereka tidak berniat jahat terhadap wanita tersebut dan tidak ada masalah untuk mereka memohon maaf daripadanya.

Selepas nyanyian tersebut, hubungan Ramlee, Aziz dan Sudin dengan Rosnah menjadi lebih jernih dan ikhlas. Terdapat usaha saling menghormati dan biasalah untuk menimbulkan unsur sensasi diwujudkan babak-babak untuk memikat antara lelaki dan wanita.

Wanita Ke Hadapan Berbanding Lelaki

Berguru dalam persilatan perlu mereka yang punya tubuh badan yang sihat. Namun tubuh badan yang sihat tidak mencukupi. Pesilat yang baik bukan sahaja tangkas gerakannya tetapi juga pandai pengatur strategi yang baik. Dengan kata lain pesilat yang baik perlu juga punya kemampuan berfikir. Bagaimana untuk berfikir jika tidak pandai membaca? Pada waktu itu (dalam filem), budaya membaca tidak penting. Ramai orang yang buta huruf. Justeru diwujudkan sekolah-sekolah rakyat untuk mereka yang buta huruf. Dalam filem ini wujud satu sekolah untuk mereka yang buta huruf. Babak dalam sekolah buta huruf ini memang babak yang lucu namun di sebalik kelucuan ini, penuh dengan mesej penting tentang perlunya pandai membaca. Semua orang perlu pandai membaca termasuklah pesilat seperti Ramli, Aziz dan Sudin.

Persilat tanpa ilmu akan menjadi samseng seperti samseng-samseng di pengkalan Penambang Sampan Sungai Kemunting.



Filem *Pendekar Bujang Lapuk*, satu filem yang melihat kepada masa depan. Dalam filem-filem ini diperlihatkan wanita-wanita yang tahu membaca. Rosnah seorang guru Wanita dan guru-guru yang mengajar di sekolah tersebut terdiri daripada wanita. Wanita dalam filem ini merupakan wanita-wanita yang celik huruf maknanya boleh membaca. Pembantu rumah kepada keluarga Pendekar Mustar juga boleh membaca. Berbanding dengan kaum lelaki seperti Ramli, Aziz dan Sudin mereka ini buta huruf. Mereka tidak membolehkan membaca. Hal ini sesuatu yang memalukan. Lelaki lebih mengutamakan kekuatan tenaga untuk bersilat daripada tenaga otak berfikir. Justeru itu, Ramli, Aziz dan Sudin diminta untuk pergi sekolah untuk belajar membaca. Kekuatan sebenar ialah kekuatan minda bukan kekuatan tenaga sahaja.

Konsep Cubaan/Dugaan Yang Sebenar

Dalam filem ini, dikhisahkan Rosnah telah dicolek oleh geng samseng Penambang Sampan Sungai Kemunting. Pada masa yang sama, Ramli, Aziz dan Sudin telah diminta untuk menguji kekuatan mental mereka dengan menghadapi cubaan daripada berapa tugas iaitu Aziz diminta untuk bertapa di dalam perigi buta, Sudin pula diminta untuk ke rumah kosong yang telah lama ditinggalkan. Ramli pula diarahkan berada di kubur. Malang, mereka gagal menghadapi cubaan pertama. Kemudian, Pendekar Mustar mengarahkan mereka untuk ke kubur orang yang mati dibunuh. Mereka bertekad untuk menentang sebarang cubaan. Pada ketika ini, Rosnah telah dicolek dan ibu dan bapanya diikat.

Ketika Rosnah dilarikan di depan mata mereka, ketiga-tiga mereka melihat itu sebagai satu peristiwa untuk menguji mental mereka (cubaan). Pendekar Mustar, isteri dan pembantu rumahnya cuba menyakin bahawa anaknya Rosnah benar-benar telah dicolek. Tetapi mereka masih berpegang kepada itu semua satu ujian atau cubaan. Akhirnya Ramli, Aziz dan Sudin tersedar bahawa Rosnah telah dilarikan oleh samseng Penambang Sampan Sungai Kemunting bukan satu cubaan tetapi ia satu yang benar.

Di sini, P.Ramlee mahu memberi tahu kepada penonton filem ini bahawa dalam hidup ini, kita jangan tertipu dengan tahyul. Cubaan yang sebenar ialah cubaan yang real. Dunia ghaib atau dunia tahyul bukan dunia cubaan yang sebenar tetapi dunia yang real ini adalah sebenar-benarnya dunia nyata di mana cubaan itu adalah real. Kehidupan yang real lebih mencabar dan penting berbanding dunia tahyul. Hantu atau jembalang tidak menjadi masalah tetapi haiwan yang bertopeng manusia itu lebih besar ancamannya.

Namun dalam dunia Melayu yang masih bersifat animistik itu, hal-hal yang tahyul ini yang diperhatikan dan beri perhatian sebagai sesuatu yang besar sedangkan dunia real lebih mencabar dan perlu diberi perhatian yang serius. Maka P.Ramlee

membawa satu anjakan minda untuk orang Melayu jangan percaya kepada tahyul tetapi lihat dan fikir dunia di sekeliling mereka yang menjadi cobaan yang sebenar dan membimbangkan kerana dalam dunia yang real ini pelbagai bentuk jenayah berlaku seperti ekplotasi terhadap orang yang lemah.



Kesimpulannya,

Filem *Pendekar Bujang Lapuk* merupakan sebuah filem komedi yang berjaya bukan unsur komidinya tetapi juga mesej yang terkandung di dalamnya. Filem komedi ini menyebabkan kita ketawa atau tersenyum dengan telatah watak-wataknya namun di sebalik unsur-unsur komedi sama ada di dalam babak-babak lakonan atau nyanyian yang dilakukannya terselit secara bijak pesan-pesan moral dan budaya. Pengiktirafan terhadap peranan wanita dalam membasmikan masalah buta huruf dan mengkritik mentaliti Melayu yang masih kuat kepercayaannya terhadap tahyul dan mengelak daripada menghadapi kehidupan yang real yang penuh dengan pelbagai cabaran. Adunan antara komedi dan pengajaran itu menjadikan filem ini luar biasa maka tidak salah filem ini dinobatkan sebagai filem komedi terbaik di dalam Festival Filem Asia.